

Penerimaan dan Tanggapan Masyarakat terhadap Sumber Zakat Harta yang Diikhtilaf

SANEP AHMAD
HAIRUNNIZAM WAHID

ABSTRAK

Pelbagai usaha untuk meningkatkan hasil kutipan zakat telah dilakukan oleh institusi zakat. Misalnya langkah menswastakan kutipan zakat dengan menubuhkan pusat zakat sebagaimana dilakukan oleh kebanyakan negeri dan didapati berkesan. Sebagai langkah tambahan usaha meningkatkan kutipan zakat boleh dilakukan dengan memperluaskan sumber zakat iaitu mengenakan zakat kepada harta yang diikhtilaf. Langkah ini dirasakan sesuai memandangkan banyak aktiviti ekonomi semasa menghasilkan pendapatan yang lumayan. Namun demikian sehingga kini belum disepakati lagi apakah jenis harta tambahan yang mungkin boleh dizakat, bagaimana mengira zakat harta tersebut dan bagaimanakah tanggapan dan penerimaan masyarakat. Sehubungan itu kajian ini cuba meneliti bagaimanakah penerimaan dan tanggapan masyarakat serta menilai apakah faktor penentu penerimaan masyarakat terhadap langkah memperluaskan sumber zakat tersebut. Kajian ini menggunakan data primer seluruh Malaysia yang dianalisis menggunakan kaedah analisis diskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa kesedaran serta kesediaan masyarakat membayar zakat harta yang diikhtilaf secara umumnya adalah menggalakkan. Kajian ini juga mendapati bahawa di samping beberapa faktor lain, faktor pengetahuan agama dan tahap pendidikan amat signifikan mempengaruhi kesediaan membayar zakat harta yang diikhtilaf.

ABSTRACT

Various efforts have been taken to increase zakat revenue. Privatizing zakat collection through the establishment of Pusat Zakat as implemented by many states seem to be effective. In addition, zakat revenue may also be increased by widening zakat base especially on the "unconsensus wealth" (harta diikhtilaf). This action is reasonably acceptable because many current economic activities are now capable of yielding good return. However it is still undecided what are the type of wealth to be zakated, how the zakat is to be calculated, and how individual will react to this action. In this regard this study attempts to examine the acceptance and perception of individual and further investigates the factors influencing individual's acceptance on these matters. This study utilizes primer data collected throughout Malaysia and be analysed using descriptive analyses. The result shows that respondents awareness and willingness to pay zakat is

promising. Besides, religious knowledge and education level are found to affect significantly the level of willingness to pay zakat.

PENGENALAN

Berbagai usaha telah dijalankan untuk menambah hasil kutipan zakat. Peringkat pertama adalah dengan menambahkan kempen kesedaran tentang kewajipan zakat serta kepentingannya kepada pembangunan umat Islam. Kempen dilakukan oleh Jabatan Agama didapati memberi kesan tetapi tidak dapat menambah hasil kutipan zakat secara signifikan. Sambutan dingin tersebut dipercayai berpunca daripada tanggapan masyarakat tentang ketidakcekapan pengurusan zakat oleh Jabatan Agama dalam mengurus agihan wang zakat. Tanggapan sedemikian adalah berpunca daripada beberapa kes seperti berlakunya pecah amanah, wang zakat disimpan di dalam bank dan tidak dibelanjakan serta kaedah agihan yang tidak saksama. Sejauh mana kebenaran tentang ketidakcekapan ini berlaku adalah isu yang lain tetapi apa yang pasti ialah tanggapan negatif masyarakat tentangnya telah membawa kesan negatif ke atas pungutan zakat.

Sebagai langkah susulan untuk mengatasi kelemahan ini maka pengurusan kutipan zakat telah diswastakan. Langkah ini telah melahirkan pusat kutipan zakat swasta seperti Pusat Pungutan Zakat (PPZ) dan Pusat Zakat Selangor (PZS). Langkah ini ternyata telah dapat menambah jumlah kutipan zakat dengan banyak. Langkah di atas walaupun telah dapat menambah hasil kutipan secara menggalakkan tetapi dirasakan bahawa masih terdapat lagi bocoran di mana sesetengah individu membayar zakat terus kepada asnaf. Sebagai langkah tambahan untuk mengurangkan bocoran sebanyak mungkin, berbagai kemudahan telah dilakukan seperti memberi rebet cukai pendapatan terhadap zakat yang dibayar, memberi kemudahan tolakan daripada gaji secara bulanan dan membuka kaunter bayaran di Pejabat Pos dan bank. Walaupun berbagai usaha dilakukan namun bocoran tetap akan berlaku kerana individu mempunyai persepsi tersendiri tentang tempat terbaik untuk membayar zakat. Masalah bocoran ini sebenarnya tidak membimbangkan berbanding dengan masalah individu tidak mahu membayar zakat.

Langkah terkini yang boleh dicadangkan untuk dilakukan bagi tujuan menambahkan hasil zakat ialah dengan meluaskan sumber zakat. Langkah ini bermaksud meluaskan jenis harta yang perlu dikenakan zakat khususnya kepada beberapa jenis harta yang diikhtilaf wajib zakat. Langkah ini wajar dipertimbangkan dan seterusnya dilaksanakan berdasarkan kepada keadaan di mana terdapat banyak aktiviti ekonomi moden hari ini memberi hasil yang lumayan. Petani bukan lagi petani sara diri dan penternak juga bukan lagi penternak sara diri, tetapi mereka telah menjadi pengusaha korporat. Setiap usaha dijalankan secara besar-besaran dan boleh mendatangkan hasil yang

lumayan. Usaha ternakan ayam misalnya boleh mendatangkan hasil jauh lebih lumayan berbanding ternakan kambing, begitu juga dengan usaha perladangan getah dan kelapa sawit, boleh mendatangkan hasil lumayan berbanding padi. Oleh itu walaupun usaha tersebut secara bendanya (*ain*) tidak diwajibkan zakat tetapi mungkin secara *illah*nya boleh dikenakan zakat. Logik akal boleh mempersoalkan bahawa jika petani padi membayar zakat mengapa tidak dengan pemilik ladang getah dan ladang kelapa sawit sedangkan mereka juga memperoleh hasil yang lumayan? Begitu juga halnya dengan penternak ayam dan ikan berbanding penternak kambing dan lembu.

Langkah meluaskan asas zakat ini wajar dipertimbangkan berdasarkan kepada alasan illah yang sama iaitu kekayaan (Hailani 2004). Terdapat beberapa nas daripada al-Quran dan hadis Nabi s.a.w. yang menunjukkan bahawa harta perlu diambil daripada orang kaya dan diberikan kepada orang miskin. Ini menunjukkan bahawa kekayaan boleh dijadikan alasan untuk mengenakan zakat kepada individu.

Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud:

Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedeqah (zakat) supaya dengannya engkau membersihkan mereka dan mensucikan mereka. (Q. 9:103)

Agar peredaran (harta) tidak terbatas di kalangan orang-orang kaya di antara kamu sahaja. (Q. 59:7)

Beberapa hadis Nabi s.a.w yang menyokong ayat tersebut termasuklah dari Ibn Abas r.a bahawa tatkala Nabi s.a.w mengutus Muaz bin Jabal r.a ke Yaman beliau bersabda;

Allah S.W.T. telah mewajibkan zakat pada harta benda mereka, yang diambil daripada orang-orang kaya dan diagihkan kepada orang-orang miskin di kalangan mereka. (Riwayat: al Bukhari)

Hadis yang diriwayatkan daripada Ali r.a bahawa Nabi s.a.w bersabda;

Allah S.W.T. mewajibkan zakat pada harta orang-orang kaya dari kaum muslimin sejumlah yang mencukupi orang-orang miskin di kalangan mereka. (Riwayat: al Thabrani)

Dalil di atas menunjukkan bahawa illah kekayaan menjadi salah satu asas pertimbangan untuk mengenakan zakat kepada orang-orang Islam. Oleh itu fakta ini mewajarkan untuk zakat dikenakan ke atas kekayaan orang kaya yang diperolehi dari mana-mana sumber rezeki yang halal di sisi Allah S.W.T.

TUJUAN KAJIAN

Langkah meluaskan asas zakat memang boleh dilakukan memandangkan terdapat banyak jenis harta dan aktiviti ekonomi masa kini dapat menghasilkan pendapatan yang lumayan. Dalam sesetengah kes mungkin hasil usaha

sesetengah aktiviti ekonomi mendatangkan hasil jauh lebih lumayan berbanding hasil bagi harta yang diwajibkan zakat. Oleh itu jika hasil usaha diambil kira maka adalah wajar zakat harta diperluaskan kepada harta lain yang mendatangkan perolehan yang lumayan. Usaha memperluas zakat bagi harta bukan satu perkara baru. Perluasan asas zakat sebenarnya telah dilakukan seawal zaman Khalifah Umar al-Khatab. Beliau telah mengenakan zakat atas kuda yang diperniagakan sedangkan zakat kuda tidak dikenakan sebelumnya. Malah para ulama' juga telah membincangkan soal mengenakan zakat kepada harta yang diikhtilaf sebagaimana dibincangkan di dalam bab zakat. Pada masa kini usaha yang sama telah pun dijalankan. Langkah mewajibkan zakat atas pendapatan gaji merupakan contoh yang terkini telah dilaksanakan oleh beberapa institusi zakat negeri. Kewajipan ini adalah berdasarkan kepada alasan jumlahnya yang lumayan dan melepasi nisab wajib zakat bagi wang. Jika alasan tersebut diterima pakai maka bermakna terdapat banyak lagi jenis harta dan aktiviti ekonomi semasa yang sesuai untuk dipertimbangkan kewajipan zakat atasnya memandangkan banyak aktiviti ekonomi semasa memberi hasil yang lumayan. Aktiviti seperti pemeliharaan ayam daging, ayam telur, dusun buah-buahan dan perusahaan ladang kelapa sawit serta getah misalnya dapat memberi hasil yang lumayan. Seseengah aktiviti tersebut dapat memberi hasil lebih baik berbanding hasil tanaman padi. Jadi jika petani padi wajib mengeluarkan zakat bagaimana pula dengan petani tanaman yang lain?

Namun demikian sehingga kini belum dikenal pasti secara tepat apakah jenis harta atau aktiviti ekonomi yang mungkin boleh dikenakan zakat serta apakah alasan atau illah kewajipannya serta bagaimana cara mengira zakatnya. Di samping itu tidak diketahui bagaimanakah persepsi dan penerimaan masyarakat terhadap pelaksanaan langkah tersebut. Adakah masyarakat bersetuju dan bersedia membayar atau sebaliknya. Persoalan di atas perlu dikaji supaya boleh dijadikan asas untuk membuat persediaan ke arah pengenaan zakat kepada harta yang diikhtilaf. Tindakan persediaan adalah perlu supaya perlaksanaannya dapat dirancang dengan rapi agar perlaksanaannya tidak memberi kejutan kepada masyarakat.

Sehubungan dengan persoalan di atas tujuan kajian ini adalah untuk meneliti apakah persepsi dan kesediaan membayar masyarakat terhadap langkah mewajibkan zakat ke atas harta yang diikhtilaf. Beberapa cadangan serta implikasi dasar dijelaskan untuk meningkatkan tahap kesediaan masyarakat Islam untuk membayar zakat harta yang diikhtilaf.

TINJAUAN LITERATUR

Perbahasan tentang wajib zakat bagi harta yang diikhtilaf telah dilakukan sejak sekian lama namun tiada pelaksanaan secara tepat dan berkesan. Oleh itu isu ini terus dibincangkan terutama dalam zaman ini dimana kegiatan ekonomi

kian berkembang dan bertambah kompleks. Isu mengenakan zakat kepada harta yang diikhtilaf mula dibincangkan dalam muktamar zakat yang pertama pada 30 April 1984 di Kuwait. Beberapa jenis harta telah disebut sebagai wajib dizakat seperti saham, bon dan harta al-mustaghallat (Muhammad Kamal 'Atiyah, 1995). Namun demikian perlaksanaannya sehingga kini tidak diperincikan secara jelas.

Dalam kes di Malaysia perbincangan terperinci dan kempen penerangan bermula dengan kes mewajibkan zakat ke atas pendapatan gaji. Perbincangan awal banyak menyentuh tentang persoalan perundangan. Kajian oleh Abdul Rashid (1979), Hassan (1989), Mahmood Zuhdi (1992), Muhammad Kamal 'Atiyah (1995) dan Mujaini (1995) membincangkan berbagai pandangan tentang kewajipan zakat atas pendapatan gaji dan perlunya ada perundangan khusus ke atasnya. Perundangan khusus ini penting kerana berlakunya perbezaan antara negeri di Malaysia tentang wajib atau tidak zakat atas pendapatan gaji. Perbincangan perbandingan antara zakat atas pendapatan gaji dan cukai pendapatan juga dilakukan oleh Chapra (1992), Zulkarnain (1994) dan Abdul Hamid (1998). Secara umum mereka menyimpulkan bahawa zakat adalah berbeza dengan cukai pendapatan dan tuntutan zakat adalah berbeza dengan tuntutan cukai pendapatan.

Perbincangan khusus tentang kewajipan zakat pendapatan gaji dilakukan oleh Mujaini (2003) di mana beliau menyimpulkan bahawa terdapat tiga pandangan berbeza tentang kewajipan zakat ke atas pendapatan gaji. Pandangan pertama mengatakan tidak ada dalil wajib zakat pendapatan gaji tetapi individu digalakkan membayar. Pandangan kedua pula mengatakan wajib zakat pendapatan gaji atas alasan masalah masyarakat. Pandangan ketiga mengatakan wajib zakat pendapatan gaji atas alasan nas al-Quran dan Ijtihad. Namun apa yang penting ialah walaupun terdapat berbeza pandangan tentang wajib zakat pendapatan gaji, kini masyarakat secara umumnya telah menerima wajib zakat atas pendapatan gaji. Usaha terperinci belum dilakukan untuk membahaskan kemungkinan mengenakan zakat kepada harta diikhtilaf yang lain walaupun pernah disentuh mengenainya tentang zakat pendapatan professional oleh Mahmood Zuhdi (1992). Pengalaman negara Islam yang lain juga menunjukkan bahawa mereka hanya menghadkan perbincangan kepada zakat pendapatan gaji dan fatwa terkini juga hanya meliputi kepada kewajipan zakat atas pendapatan gaji.

Sehubungan dengan ini maka perbincangan yang terperinci sebenarnya perlu dilakukan kepada harta diikhtilaf yang lain supaya asas zakat dapat dikembangkan. Jika perbincangan khusus boleh dilakukan dan dapat diputuskan berkenaan dengan zakat pendapatan gaji maka tidak mustahil jika perkara yang sama akan berlaku kepada jenis harta yang lain. Ini adalah ruang yang masih ada dan perlu diterokai dalam suasana ekonomi yang kian bertambah maju. Ketiadaan dan kelemahan penguatkuasaan sebarang perundangan terhadap zakat akan memberi kesan kelancaran perlaksanaannya (Muhammad Shukri 2002). Oleh itu keseragaman undang-undang zakat antara negeri adalah amat

diperlukan. Kesan yang nyata akibat perbezaan pandangan antara negeri serta tidak adanya perundangan yang seragam ialah sesetengah individu enggan membayar zakat atas pendapatan gaji. Keengganan tersebut timbul kerana perbezaan tersebut telah mempengaruhi sikap individu tentang kewajipan zakat. Oleh itu penguatkuasaan undang-undang zakat didapati berperanan dalam menentukan kepatuhan membayar zakat atas pendapatan gaji (Kamil 2002).

Keseragaman perundangan dan adanya fatwa tentang kewajipan bukan satu-satunya faktor penentu ketaatan membayar zakat. Masalah kepatuhan membayar adalah berkait dengan iman, kefahaman dan ketaatan kepada perintah Allah. Ia bukan sesuatu yang boleh dipaksa (Aidit 1988). Kamil, Che Derashid & Engku Ismail (1997), Qardawi (1998) dan Abdul Hamid (1998) juga mengatakan bahawa ketaatan adalah berkait dengan iman. Di samping itu terdapat juga faktor luaran yang boleh mempengaruhi sikap seperti persekitaran, pengurusan yang kurang baik dan pelaksanaan perundangan. Masalah dan persoalan yang sama mungkin timbul jika zakat dikenakan ke atas harta lain yang diikhthilaf selain daripada pendapatan gaji. Masyarakat bukan sahaja akan berbeza pendapat tentang wajib atau tidak zakat ke atas harta tersebut tetapi juga akan berbeza pendapat tentang alasan sedia atau tidak sedia membayar zakat bagi sesuatu harta tertentu. Dipandang dari aspek cara pengiraan, jika bagi zakat pendapatan gaji terdapat beberapa kaedah pengiraan yang dicadangkan maka begitu jugalah bagi kes zakat bagi harta lain yang diikhthilaf. Kaedah terperinci perlu difikirkan bagi sesuatu jenis harta yang akan dizakat.

KAEDAH KAJIAN

Kajian dilakukan dengan menggunakan data primer yang disampel daripada responden setiap negeri seluruh Malaysia kecuali Sabah dan Sarawak seramai 2500 responden individu. Responden dipilih secara rawak bagi mewakili setiap lapisan masyarakat dari segi kawasan, jantina, umur, pendapatan, pekerjaan dan latar belakang pendidikan. Data dianalisis menggunakan analisis diskriptif seperti jadual kekerapan, jadual peratusan, jadual silang dan ujian Chi. Untuk memudahkan analisis aktiviti ekonomi dikategorikan secara umumnya kepada empat kategori perusahaan utama iaitu perolehan pendapatan wang, profesional dan terimaan; hasil pertanian; hasil ternakan dan hasil galian. Pilihan aktiviti ekonomi dalam setiap kategori adalah berdasarkan kepada illah atau sebab tertentu (Jadual 1).

HASIL KAJIAN

Usaha mengenakan zakat bagi pendapatan gaji telah menimbulkan berbagai reaksi, setuju dan tidak setuju. Begitu jugalah reaksi yang akan timbul sekiranya

JADUAL 1. Kategori harta diikhtilaf

Harta	Definisi	Jenis	Illah/Sebab
Pendapatan wang / profesional / terimaan	Semua jenis pendapatan dan perolehan dalam bentuk wang	Gaji, Pendapatan bebas, Bon, Saham, Surat jaminan, Hibah, Royalti, Honorarium, Perundingan & <i>al-mustaghallat</i>	Kekayaan dan Harta produktif (<i>al nama'</i>)
Hasil pertanian	Semua hasil pertama dari tanaman sama ada jangka pendek atau panjang dan makanan ruji atau tidak.	Kelapa sawit, Dusun, Getah, Koko, Sayuran, Kayu kayan, Herba, & Nursery	Diperniagakan
Hasil ternakan	Semua hasil yang diperolehi dari kegiatan ternakan haiwan yang diperniagakan	Ayam, Itik, Ikan, Burung, Burung unta, Arnab & Madu lebah	Diperniagakan
Hasil galian (perlombongan)	Semua hasil dari perut bumi sama ada pejal atau cair dan boleh lebur atau tidak	Biji timah, Biji besi, Kuari, Permata, Tembaga, Gas & Petroleum	Diperniagakan

usaha dilakukan untuk mengenakan zakat ke atas aktiviti ekonomi lain yang diikhtilaf wajib zakat atasnya. Hasil kajian menunjukkan bahawa secara umumnya masyarakat mempunyai tanggapan yang positif ke atas langkah ini. Analisis hasil kajian ini akan dilihat secara umum dan mengikut kategori responden.

TANGGAPAN UMUM

Tanggapan responden secara umumnya dapat ditunjukkan seperti dalam Jadual 2. Keputusan menunjukkan tanggapan masyarakat terhadap pelaksanaan zakat mengikut empat kategori umum harta yang dinyatakan. Keputusan menunjukkan secara umumnya sebanyak 52.9% responden bersetuju jika zakat dikenakan ke atas harta yang diikhtilaf. Hanya 14.9% mengatakan tidak bersetuju dan 32.2% lagi berkecuali. Keputusan ini menunjukkan satu reaksi yang positif ke atas langkah memperluaskan asas harta zakat.

Perincian mengikut jenis harta juga menunjukkan bahawa lebih ramai yang bersetuju daripada yang tidak bersetuju. Bagi zakat pendapatan hasil pertanian dan hasil galian peratus persetujuan masing-masing ialah 53.8% dan 73.2%. Walaupun bagi hasil pendapatan wang dan hasil ternakan peratusan persetujuan

JADUAL 2. Tanggapan terhadap zakat harta diikhtilaf

Jenis harta	Purata % tanggapan			Jumlah
	Setuju	Tak setuju	Berkecuali	
Pendapatan wang/terimaan	42.7	15.5	41.8	100
Hasil pertanian	53.8	15.2	31.0	100
Hasil ternakan	41.9	24.2	33.9	100
Hasil galian	73.2	4.55	22.3	100
Purata keseluruhan	52.9	14.9	32.2	100

kurang daripada 50% namun ia tetap lebih tinggi daripada peratusan yang tidak bersetuju iaitu 42.7% berbanding 15.5% bagi pendapatan wang dan 41.9% berbanding 24.2% bagi hasil ternakan.

Perincian persetujuan mengikut jenis aktiviti ekonomi menunjukkan individu yang bersetuju jauh lebih besar berbanding yang tidak bersetuju bagi setiap jenis aktiviti ekonomi dan setiap jenis harta. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa masyarakat akan memberi sambutan yang baik jika usaha dilakukan untuk mengenakan zakat ke atas berbagai jenis harta yang diikhtilaf. Kajian ini dapat memberi keyakinan dan menghilangkan keraguan banyak pihak tentang penerimaan masyarakat ke atas langkah memperluaskan asas zakat. Isyarat ini sepatutnya menjadi pendorong yang kuat kepada berbagai pihak berwajib untuk melaksanakan usaha memperluaskan lagi asas zakat bagi zakat harta

TANGGAPAN MENGIKUT AKTIVITI EKONOMI

Peratusan bersetuju dan tidak setuju mengikut jenis aktiviti ekonomi secara terperinci ditunjukkan seperti dalam Jadual 3. Keputusan dalam Jadual 3 menunjukkan petanda yang positif terhadap zakat ke atas harta yang diikhtilaf. Secara umumnya peratus individu yang bersetuju terhadap perlaksanaan zakat bagi aktiviti ekonomi harta diikhtilaf lebih besar daripada peratusan yang tidak bersetuju. Hasil kajian mengikut mengikut kategori aktiviti ekonomi adalah seperti berikut:

Pendapatan Wang Secara umumnya peratus bersetuju adalah 42.7% berbanding 15.5% tidak bersetuju. Golongan tidak pasti walaupun agak besar iaitu 41.8% tidaklah membimbangkan kerana mereka boleh diberi lebih penerangan untuk bersetuju. Bagi setiap kategori aktiviti ekonomi walaupun peratus bersetuju agak rendah tetapi tetap melebihi peratus tidak bersetuju kecuali bagi pendapatan surat jaminan dan hibah. Bagi pendapatan dari bon, saham dan pendapatan bebas, peratus persetujuan adalah melebihi 50%. Ringkasnya boleh disimpulkan bahawa responden individu memberi reaksi positif tentang langkah mengenakan zakat ke atas pendapatan wang.

JADUAL 3. Tanggapan mengikut aktiviti ekonomi

Jenis harta	% tanggapan			Jumlah
	Setuju	Tak setuju	Berkecuali	
Pendapatan				
Gaji	73.6	13.7	12.7	100
Pendapatan bebas	54.9	15.7	29.3	100
Bon	53.0	7.8	39.2	100
Saham	64.7	6.6	28.7	100
Surat jaminan	22.3	22.9	54.8	100
Hibah	21.3	29.2	49.5	100
Royalti	45.5	13.7	40.8	100
Honorarium	23.1	14.7	62.2	100
Perundingan	25.9	15.2	58.9	100
Purata	42.7	15.5	41.8	
Hasil pertanian				
Kelapa sawit	67.6	8.9	23.5	100
Dusun	60.3	13.1	26.6	100
Getah	61.6	11.2	27.3	100
Koko	57.8	12.0	30.2	100
Sayuran	41.9	22.1	36.0	100
Madu	33.8	23.9	42.3	100
Purata		53.8	15.2	31.0
Hasil ternakan				
Ayam	48.9	22.0	29.1	100
Itik	45.1	23.3	31.6	100
Ikan	42.4	25.0	32.8	100
Burung	35.4	27.8	36.8	100
Burung unta	44.1	21.0	34.9	100
Arnab	35.6	26.2	38.2	100
Purata	41.9	24.2	33.9	
Hasil galian/perlombongan				
Timah	74.1	4.1	21.8	100
Besi	72.1	4.7	23.2	100
Permata	72.4	5.1	22.5	100
Petroleum	74.0	4.3	21.7	100
Purata	73.2	4.55	22.3	100
Purata keseluruhan	52.90	14.90	32.20	100

Hasil Pertanian Peratus bersetuju terhadap pengenaan zakat bagi hasil pertanian yang diikhtilaf adalah melebihi peratus yang tidak bersetuju., iaitu 53.8% berbanding 15.2%. Bagi setiap pecahan aktiviti pertanian pula peratus persetujuan melebihi 50% kecuali bagi hasil sayuran dan madu. Namun demikian bagi setiap aktiviti pertanian peratus persetujuan tetap melebihi peratus tidak bersetuju. Keputusan menunjukkan bukti yang menarik kerana individu menunjukkan peratus persetujuan yang tinggi untuk mengenakan zakat bagi usaha ladang kelapa sawit, dusun dan getah iaitu masing-masing adalah 67.6%, 60.3% dan 61.6%.

Hasil Ternakan Purata peratus bersetuju bagi hasil ternakan agak rendah iaitu 41.9%, namun ia tetap melebihi peratus tidak setuju dimana nilainya adalah 24.2%. Perincian mengikut jenis aktiviti ternakan juga menunjukkan nilai yang agak rendah iaitu kesemuanya kurang daripada 50%. Peratus yang agak tinggi adalah zakat bagi hasil ternakan ayam iaitu 48.9%. Walau bagaimanapun individu umumnya memberi reaksi positif kerana yang bersetuju melebihi yang tidak bersetuju.

Hasil Galian Bagi hasil galian individu nampaknya sepakat terhadap penerimaan mengenakan zakat ke atasnya. Purata peratus keseluruhan serta peratus mengikut aktiviti perlombongan kesemuanya melebihi 70%. Ini bererti bahawa langkah mengenakan zakat bagi hasil perlombongan yang diikhtilaf tidak menghadapi sebarang masalah. Ringkasnya hasil kajian ini menunjukkan majoriti responden bersetuju menerima dan membayar zakat atas harta galian yang diikhtilaf.

TANGGAPAN MENGIKUT NEGERI

Jadual 4 pula menunjukkan daripada 11 negeri yang dikaji, kesemua negeri menggambarkan peratus persetujuan melebihi 50% kecuali Negeri Sembilan yang mencatatkan persetujuan sebanyak 44.06%. Empat negeri tertinggi menunjukkan persetujuan ialah Kedah, Kelantan, Melaka dan Terengganu di mana masing-masing menunjukkan 57.98%, 56.61%, 56.01% dan 55.82%. Ini bermakna bahawa empat negeri tersebut memberi respon yang lebih menggalakkan ke atas langkah mengenakan zakat ke atas harta yang diikhtilaf.

Peratusan responden yang menyatakan setuju secara keseluruhan ialah 52.90% berbanding dengan tidak setuju sebanyak 14.90%. Setiap negeri secara individu juga menunjukkan reaksi yang positif di mana peratusan bersetuju kesemuanya melebihi peratus tidak setuju. Ini bermakna bahawa langkah memperluaskan asas zakat harta mempunyai jalan mudah di mana tentangan atau halangan dari masyarakat ke atas langkah tersebut dijangka tidak akan berlaku. Masyarakat Negeri Sembilan pula membayangkan persetujuan yang

JADUAL 4. Persepsi mengikut negeri

Negeri	Persepsi/penerimaan (% purata keseluruhan)			
	Setuju	Tak setuju	Berkecuali	Keseluruhan
Selangor	50.32	13.32	36.36	100
P. Pinang	50.62	15.97	33.40	100
Kedah	57.98	12.60	29.44	100
Perlis	54.51	17.90	27.60	100
Perak	53.37	13.55	33.07	100
Johor	51.05	19.80	32.52	100
Melaka	56.01	14.25	29.72	100
N Sembilan	44.06	17.86	38.09	100
Pahang	50.22	9.64	40.14	100
Terengganu	55.82	19.99	24.19	100
Kelantan	56.61	15.46	27.94	100
Purata keseluruhan	52.90	14.90	32.20	100

paling rendah iaitu 44.6%. Ini bermakna bahawa Negeri Sembilan akan memerlukan lebih penerangan ke atas pelaksanaan zakat ke atas harta yang diikhtilaf.

Keputusan menunjukkan bahawa responden seluruh negeri di Malaysia memberi peratus persetujuan yang tinggi dan kesemuanya melebihi peratus tidak setuju. Ini menandakan bahawa individu di semua negeri Semenanjung Malaysia umumnya bersedia untuk menerima langkah mengenakan zakat ke atas harta yang diikhtilaf. Golongan berkecuali walaupun agak tinggi iaitu 32.20% tidak membimbangkan kerana mereka boleh diberi lebih penerangan supaya menjadi golongan yang bersetuju.

TANGGAPAN MENGIKUT KATEGORI RESPONDEN

Tanggapan mengikut kategori responden menunjukkan golongan manakah yang bersetuju dan tidak bersetuju ke atas pelaksanaan zakat bagi harta diikhtilaf. Keputusan kajian menunjukkan persepsi yang berbagai bergantung kepada kategori responden dan jenis harta. Jadual silang beberapa kategori responden seperti jantina, umur, aliran pendidikan, tahap pendidikan dan pekerjaan dilakukan untuk melihat hubungannya dengan beberapa jenis harta yang diikhtilaf antaranya ialah gaji, bon, pendapatan bebas, hasil kelapa sawit, dan sebagainya. Oleh itu kajian ini seterusnya akan menganalisis kategori responden dalam menerima pembayaran zakat ke atas harta yang diikhtilaf.

Jantina Nilai peratusan berdasarkan jumlah responden mengikut jantina juga menunjukkan bahawa peratusan lelaki yang menyetujui zakat dikenakan kepada harta yang dinyatakan adalah lebih tinggi berbanding kaum perempuan.

Jadual 5 menunjukkan daripada keseluruhan responden lelaki dan perempuan masing-masing, peratus lelaki melebihi peratusan perempuan hanya dalam kes menyetujui zakat pada harta wang dan terimaan, tanaman dan ternakan. Bagi zakat gaji, bon dan pendapatan bebas peratusan lelaki beretuju masing-masing adalah 74.7%, 55.5% dan 58.5% berbanding peratusan perempuan iaitu 72.2%, 50% dan 50.7%. Responden kaum perempuan yang bersetuju melebihi kaum lelaki hanya pada kes harta galian. Keputusan ini menunjukkan secara umumnya bahawa penerimaan kaum lelaki terhadap langkah mengenakan zakat kepada harta diikhtilaf adalah melebihi kaum perempuan.

JADUAL 5. Persetujuan mengikut jantina

Harta	Jantina (%)	
	Lelaki	Perempuan
Wang/terimaan		
Gaji	74.7	72.2
Bon	55.5	50.0
Pend. bebas	58.5	50.7
Tanaman		
Kelapa sawit	68.2	66.8
Dusun	61.0	59.4
Getah	61.4	61.7
Ternakan		
Ayam	49.0	48.6
Itik	45.6	44.4
Ikan	43.2	40.7
Galian		
Bijih timah	73.1	75.2
Permata	72.1	72.6
Petrol	73.8	74.0

Umur Kategori umur responden dalam Jadual 6 menunjukkan bahawa secara umumnya peratusan persetujuan meningkat apabila umur responden meningkat. Peningkatan ketara berlaku apabila responden beralih daripada kategori umur kurang 25 tahun kepada kategori 25–35 tahun. Peratusan yang lebih tinggi berlaku apabila responden berumur 55 tahun ke atas. Keadaan ini membuktikan bahawa peringkat umur memberi kesan kepada kefahaman dan kesediaan membayar zakat. Peratus golongan tua yang menyetujui zakat pada harta diikhtilaf adalah secara umumnya adalah lebih tinggi.

Jika dirujuk kepada jenis harta yang dipersetujui untuk dikenakan zakat, semua peringkat umur responden menunjukkan persetujuan bagi kebanyakan jenis harta melebihi 50% kecuali pada kes ternakan di mana kebanyakan kadar

JADUAL 6. Persepsi mengikut umur (%)

Harta	Kategori umur (tahun)				
	< 25	25–35	35–45	45–55	> 55
Wang					
Gaji	68.3	74.0	75.6	76.2	73.2
Bon	47.1	53.3	59.4	48.1	58.1
Pend. bebas	46.4	56.5	60.2	52.7	60.0
Tanaman					
Sawit	63.4	68.3	69.8	66.5	72.3
Dusun	56.2	60.8	64.2	56.8	64.0
Getah	55.9	63.4	64.1	59.3	66.6
Ternakan					
Ayam	45.3	51.3	49.7	44.5	59.3
Itik	40.1	48.3	45.4	41.1	57.4
Ikan	35.7	45.9	44.7	37.0	48.2
Galian					
Timah	71.4	74.2	72.4	72.4	81.4
Permata	70.1	74.3	72.5	68.7	79.1
Petrol	71.0	75.0	5.1	71.8	80.6

persetujuannya adalah sekitar 40%. Ini menandakan bahawa responden tidak mengira peringkat umur bersetuju dengan kuat untuk semua jenis harta diikhtilaf dikenakan zakat kecuali pada kes harta ternakan.

Aliran Pendidikan Individu daripada aliran agama secara umumnya mempunyai peratusan persetujuan yang lebih tinggi berbanding dengan individu aliran kebangsaan dalam semua jenis harta. Ini menandakan bahawa responden berpendidikan agama lebih terbuka sikapnya untuk menerima sesuatu pembaharuan. Walau bagaimana pun agak ketara bahawa responden individu aliran pondok mempunyai peratusan bersetuju yang lebih rendah kecuali kes galian. Ini sebenarnya tidaklah memeranjatkan kerana individu aliran pondok biasanya bersikap lebih ketat untuk menerima sesuatu perubahan.

Dalam kes pendapatan wang gaji misalnya 78.8% individu aliran agama bersetuju berbanding 72.7% aliran kebangsaan dan 71.4% aliran pondok masing-masing. Dalam kes tanaman sawit pula peratus bersetuju mengikut aliran agama, kebangsaan dan pondok ialah 74.2%, 66.4% dan 63.1% masing-masing. Hanya dalam kes harta galian sahaja responden aliran pondok mempunyai peratus bersetuju yang lebih tinggi berbanding responden individu daripada aliran pendidikan yang lain. Persepsi responden mengikut aliran pendidikan ditunjukkan seperti dalam Jadual 7.

JADUAL 7. Persepsi mengikut aliran pelajaran (%)

Harta	Aliran pelajaran			
	Agama	Kebangsaan	Pondok	Lain-lain
Wang				
Gaji	78.7	72.7	71.4	72.7
Bon	52.8	52.8	35.2	56.1
Pend. bebas	57.3	54.2	44.4	57.0
Tanaman				
Sawit	74.2	66.4	63.1	67.0
Dusun	67.2	58.6	47.3	63.6
Getah	67.1	60.1	55.0	64.4
Ternakan				
Ayam	52.0	47.8	33.3	53.6
Itik	47.5	44.1	27.7	49.7
Ikan	44.3	41.4	16.6	45.5
Galian				
Bijih timah	77.6	73.3	78.9	74.0
Permata	73.4	72.1	73.6	71.8
Petrol	77.0	73.3	78.9	73.2

Tahap Pendidikan Persepsi individu mengikut tahap pendidikan ditunjukkan dalam Jadual 8. Nilai peratusan menunjukkan semakin tinggi tahap pendidikan maka semakin tinggi peratus bersetuju. Keadaan sedemikian berlaku kepada hampir semua jenis harta. Sebagai contoh, dalam kes pendapatan gaji individu lepasan ijazah yang bersetuju ialah 79.1% berbanding individu lepasan SPM dan STPM masing-masing iaitu 69.7% dan 73.7%. Fakta ini membuktikan bahawa individu yang lebih tinggi tahap pendidikannya lebih memahami tentang zakat dan lebih mudah menerima sesuatu perubahan. Fenomena ini memang dijangkakan kerana responden yang lebih tinggi tahap pendidikannya adalah lebih terdedah kepada maklumat. Bukti ini menandakan bahawa faktor tahap pendidikan amat berperanan dalam menjayakan dan memudahkan sesuatu perubahan khususnya dalam pembayaran zakat.

Penemuan ini memberi isyarat bahawa dalam melaksanakan langkah memperkenalkan zakat pada harta diikhtilaf, penerangan perlu diberikan lebih kepada golongan yang kurang berpelajaran. Ini bermakna bahawa sebagai satu strategi pemasaran, sasaran penerangan hendaklah ditumpukan kepada golongan tersebut.

Kategori Pekerjaan Responden pegawai kerajaan umumnya mempunyai peratusan bersetuju yang lebih tinggi berbanding responden yang bekerja swasta dan bekerja sendiri dengan purata keseluruhan masing-masing adalah 63.10%, 59.39% dan 60.30%. Ini menunjukkan bahawa responden individu pegawai

JADUAL 8. Persepsi mengikut tahap pendidikan (%)

	Tahap Pendidikan			
	SPM	STPM	Diploma	Ijazah
Wang				
Gaji	69.7	73.7	72.4	79.1
Bon	43.5	54.5	57.5	62.6
Pend. bebas	48.0	59.8	53.8	61.7
Tanaman				
Sawit	65.2	69.3	68.1	69.7
Dusun	56.7	65.2	60.8	63.1
Getah	56.5	66.0	64.4	64.5
Ternakan				
Ayam	43.8	50.5	47.6	57.4
Itik	40.2	45.4	43.1	51.3
Ikan	36.9	40.5	41.9	48.7
Galian				
Bijih timah	72.3	75.0	75.3	76.2
Permata	69.78	74.3	72.1	75.5
Petroil	73.0	72.9	74.0	76.1

kerajaan lebih bersedia untuk membayar zakat bagi harta yang diikhtilaf diikuti oleh responden pekerja sendiri dan responden pekerja swasta. Walau bagaimanapun penelitian mengikut aktiviti ekonomi menunjukkan peratus bersetuju yang berbagai. Jadual 9 menunjukkan bahawa pekerja sendiri mempunyai peratus bersetuju yang lebih tinggi berbanding pekerja swasta dalam kes hasil tanaman dan hasil galian. Fakta ini menunjukkan satu perkara yang amat menggalakkan untuk melaksanakan zakat kepada harta yang diikhtilaf memandangkan banyak aktiviti ekonomi yang diikhtilaf adalah daripada sektor pertanian dan galian. Sokongan individu pekerja sendiri dijangka akan memudahkan lagi langkah ini dijalankan.

Dalam kes pendapatan wang responden individu pegawai kerajaan memberikan peratus bersetuju yang lebih tinggi berbanding dengan kategori pekerjaan yang lain. Keadaan ini adalah yang sepatutnya dan memang diharapkan kerana sehabagian besar pekerja kerajaan sering terlibat dengan sumber pendapatan wang yang lain selain gaji. Fenomena ini menunjukkan satu petanda baik kerana responden individu telah menunjukkan persetujuan mereka ke atas langkah mengenakan zakat bagi pendapatan wang dari sumber yang lain selain gaji. Secara tidak langsung, persetujuan ini juga menandakan bahawa responden pegawai kerajaan bersetuju untuk membayar zakat atas harta pendapatan selain daripada wang gaji.

JADUAL 9. Persepsi mengikut kategori pekerjaan (%)

Harta	Kategori pekerjaan		
	Pegawai kerajaan	Swasta	Sendiri
Wang			
Gaji	75.1	71.9	75.8
Bon	59.4	51.1	49.6
Pendapatan bebas	61.1	53.5	47.4
Tanaman			
Sawit	69.6	64.5	70.2
Dusun	63.5	57.2	61.3
Getah	64.2	59.7	63.5
Ternakan			
Ayam	48.9	49.2	49.2
Itik	45.4	45.8	45.2
Ikan	42.7	44.3	41.2
Galian			
Bijih timah	77.1	71.9	74.2
Permata	74.5	70.8	71.8
Petrol	75.8	72.8	74.3
Purata Keseluruhan	63.10	59.39	60.30

PERBEZAAN TANGGAPAN MENGIKUT KATEGORI RESPONDEN

Keputusan berdasarkan perbezaan kategori responden sebagaimana telah dibincangkan dalam bahagian yang lepas menunjukkan terdapat perbezaan tanggapan antara individu dalam setiap kategori seperti lelaki mempunyai tanggapan yang berbeza berbanding perempuan dan golongan muda mempunyai tanggapan yang berbeza berbanding golongan tua. Namun demikian keputusan tidak menunjukkan samada perbezaan tanggapan tersebut adalah signifikan atau tidak. Penilaian kesignifikan perbezaan tanggapan tersebut dapat dilihat berdasarkan keputusan ujian Chi bagi jadual silang sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 10.

Jantina Lelaki dan perempuan mempunyai ciri berbeza dalam mempersetujui langkah mengenakan zakat harta diikhtilaf. Jika data awal menunjukkan bahawa secara umum lelaki lebih mempersetujui langkah mengenakan zakat ke atas harta diikhtilaf, namun perbezaan sikap ini mungkin tidak signifikan. Perbezaan yang signifikan hanya berlaku bagi kes bon dan pendapatan bebas. Ini menunjukkan bahawa sifat persetujuan mereka adalah berbeza dan membuktikan bahawa lelaki lebih bersetuju berbanding wanita ke atas langkah mengenakan zakat bagi pendapatan bon dan pendapatan bebas.

JADUAL 10. Hubungan linear antara responden dan harta

Harta	Jantina	Umur	Aliran pendidikan	Tahap pendidikan	Pekerjaan
Wang:					
Gaji	2.164	8.584*	2.128	17.285*	5.143*
Bon	7.751*	3.741*	0.530	52.361*	25.713*
Pend. bebas	14.364*	8.584*	0.637	30.755*	22.791*
Tanaman					
Sawit	1.126	2.541	3.584	3.131	2.523
Dusun	1.933	1.215	0.999	5.433*	4.651*
Getah	0.118	2.618	0.538	9.811*	6.622*
Ternakan					
Ayam	0.803	1.559	0.187	10.765*	2.416
Itik	1.723	2.868	0.065	11.337*	4.181
Ikan	3.354	2.581	0.222	15.572*	10.784*
Galian					
Timah	0.258	2.576	1.017	1.347	8.619*
Permata	0.069	0.279	0.255	3.164	4.860*
Petrol	0.271	1.923	0.631	0.897	6.358*

Nota: * signifikan pada aras keertian 5 %

Tetapi kaum lelaki dan perempuan boleh dianggap mempunyai sifat yang sama dalam mempersetujui langkah mengenakan zakat ke atas harta ikhtilaf yang lain. Jadual 10 menunjukkan bahawa kesemua nilai statistik ujian bagi harta kategori tanaman, ternakan dan galian adalah tidak signifikan.

Umur Keputusan daripada Jadual 6 menunjukkan bahawa peratus bersetuju meningkat apabila umur meningkat. Walaupun nilai peratus bersetuju agak berbagai tetapi ia tetap dapat menggambarkan bahawa peningkatan umur akan meningkatkan tahap persetujuan. Peratus bersetuju yang paling tinggi secara purata adalah bagi responden dalam lingkungan umur 35-45 tahun. Namun demikian Jadual 10 menunjukkan perbezaan ini sebenarnya hanya signifikan bagi kes pendapatan daripada sumber gaji, bon dan pendapatan bebas. Bagi kategori harta yang lain sifat persetujuan mereka boleh dianggap sama.

Aliran Pendidikan Responden berbeza aliran pendidikan tidak menunjukkan perbezaan sifat penerimaan secara signifikan terhadap langkah mengenakan zakat ke atas harta yang diikhtilaf. Ini kerana tiada perbezaan yang signifikan ditunjukkan oleh ujian Chi gandarua bagi perbezaan aliran pelajaran. Oleh itu responden yang berlatar belakang pendidikan agama dan yang berlatar belakang bukan pendidikan agama pada umumnya boleh dianggap mempunyai pandangan yang sama. Maklumat dari Jadual 10 menunjukkan dengan jelas bahawa aliran

pendidikan tidak signifikan bagi semua aktiviti ekonomi. Lantaran itu secara umumnya boleh dirumuskan bahawa semua responden berbeza latar belakang pendidikan mempunyai pandangan yang sama terhadap langkah mengenakan zakat ke atas harta yang diikhtilaf.

Tahap Pendidikan Tahap pendidikan didapati memberi kesan kepada perbezaan persetujuan terhadap langkah mengenakan zakat ke atas harta diikhtilaf (Jadual 8). Perbezaan yang signifikan berlaku dalam kes pendapatan gaji, pendapatan bon, hasil dusun, hasil getah, hasil ayam, hasil itik dan hasil ikan (Jadual 10). Ini bermakna dalam kes tersebut semakin tinggi tahap pendidikan akan semakin jauh tinggi peratus bersetuju. Dalam kes harta yang lainnya, sifat persetujuan mereka boleh dianggap sama iaitu mempunyai peratus yang sama dalam memberi persetujuan terhadap langkah mengenakan zakat ke atas harta yang diikhtilaf.

Pekerjaan Perbezaan kategori pekerjaan didapati memberi kesan ke atas perbezaan sifat persetujuan iaitu responden berbeza pekerjaan akan memberi peratus bersetuju yang berbeza. Jika dirujuk kembali kepada Jadual 9 boleh dirumuskan bahawa bagi kes tersebut responden yang bekerja di sektor awam memberi peratus bersetuju yang lebih tinggi berbanding responden yang bekerja sendiri atau bekerja disektor swasta. Jadual 10 pula menunjukkan responden yang berbeza pekerjaan adalah berbeza secara signifikan tentang persepsi mereka terhadap langkah mengenakan zakat ke atas harta yang diikhtilaf dalam beberapa jenis harta. Keadaan ini berlaku kepada pendapatan gaji, pendapatan bon, pendapatan bebas, hasil dusun, hasil getah, hasil ayam, hasil itik, hasil ikan, hasil timah, hasil permata dan hasil petroleum. Ini bermakna pekerja sektor awam lebih bersikap positif terhadap langkah tersebut khususnya dalam jenis harta yang dinyatakan jika dibandingkan dengan pekerja kategori lain.

Kategori pekerjaan didapati tidak menunjukkan perbezaan signifikan terhadap tanggapan bagi aktiviti ekonomi yang lain. Peratus persetujuan mereka boleh dianggap sebagai sama.

KESIMPULAN

Kajian ini cuba memperluaskan asas zakat harta dengan mengenal pasti harta diikhtilaf yang mungkin boleh dizakat serta menilai apakah respon masyarakat terhadap langkah tersebut. Kajian dilakukan diseluruh Malaysia kecuali Sabah dan Sarawak. Keputusan kajian menunjukkan bahawa terdapat banyak lagi “sumber baru” yang boleh dizakat terutama atas alasan harta tersebut memberi hasil yang lumayan. Harta tersebut boleh dikategorikan kepada empat kategori utama iaitu hasil pendapatan wang, profesional dan terimaan; hasil pertanian; hasil ternakan dan hasil galian.

Keputusan kajian menunjukkan responden memberi reaksi yang positif iaitu pada umumnya bersetuju terhadap langkah mengenakan zakat terhadap harta yang diikhtilaf. Ini menandakan bahawa masyarakat umumnya menerima langkah tersebut dan bermakna usaha untuk melaksanakan langkah tersebut mempunyai harapan yang cerah untuk berjaya. Penerimaan masyarakat boleh dipertingkatkan oleh institusi zakat melalui kempen, ceramah dan sebagainya dan tumpuan perlukah dikhususkan kepada aspek jantina, tahap pendidikan, umur dan jenis pekerjaan. Jika strategi ini berjaya, maka pelaksanaan pengenalan zakat ke atas harta yang diikhtilaf akan tercapai suatu masa nanti. Ini seperti mana yang berlaku dalam proses pengenalan zakat pendapatan yang suatu ketika dahulu merupakan harta yang diikhtilaf dikenakan zakat tetapi telah dilaksanakan dan diwartakan sebagai wajib oleh beberapa negeri termasuklah Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Kedah.

Namun demikian cabaran utama pelaksanaan langkah tersebut ialah menentukan kaedah pengiraan zakat dan menjelaskan illah zakat. Ia perlu diberi perhatian kerana ketidakjelasan akan menyebabkan keengganan membayar zakat. Oleh kerana setiap satu jenis harta mempunyai sifat yang berbeza dengan yang lain walaupun dalam kategori yang sama, maka cadangan perlu mempunyai alasan yang meyakinkan. Kaedah pengiraan ini sebenarnya masih memerlukan satu kajian yang khusus. Menentukan illah zakat dengan tepat dan meyakinkan juga perlu dilakukan supaya masyarakat tidak teragak-agak untuk membayarnya. Kesamaran dalam illah zakat boleh menyebabkan individu merasa keberatan untuk membayar zakat khususnya dalam kes harta yang diikhtilaf. Sebagai kesimpulannya persoalan yang berkait dengan langkah mengenakan zakat ke atas harta yang diikhtilaf boleh diringkaskan seperti dalam Jadual 11.

Satu perkara yang juga perlu diberi perhatian ialah tentang keengganan individu membayar zakat kepada pusat zakat atau mana-mana institusi formal. Sekiranya perkara ini berlaku maka walaupun zakat dikenakan ke atas harta diikhtilaf dan individu bersetuju membayarnya tetapi hasil kutipan zakat yang dapat dikutip oleh pusat zakat tidak akan meningkat dengan banyak. Masalah ini disebut sebagai masalah bocoran iaitu individu membayar zakat terus kepada asnaf dan bukan kepada pusat formal kutipan zakat (Sanep & Hairunnizam 2004). Alasan yang selalu diberi mengapa perkara ini berlaku ialah kerana individu tidak begitu yakin tentang kecekapan pusat zakat mengurus wang zakat khususnya dalam agihan zakat. Keyakinan masyarakat tentang kecekapan dan ketelusan pusat zakat mengurus wang zakat perlu ditingkatkan supaya setiap individu akan membayar zakat kepada pusat formal pungutan zakat.

Untuk menjayakan langkah memperkenalkan zakat kepada harta yang diikhtilaf, beberapa perkara perlu diberi perhatian di antaranya ialah mewartakan kewajipan zakat harta tersebut melalui perundangan, menerangkan illah dengan jelas, memperincikan kaedah pengiraan zakat bagi setiap jenis harta, menambahkan keyakinan masyarakat terhadap keupayaan institusi formal pungutan zakat untuk mengelakkan bocoran (supaya pelaksanaan langkah ini

JADUAL 11. Illah zakat dan cara pengiraan

Jenis harta	Menentukan Illah	Cara pengiraan	Nota
1. Pendapatan wang	1. Zakat emas/perak dan wang 2. <i>al nama'</i>	Sebagaimana zakat pendapatan gaji	Perlu kajian
2. Hasil pertanian	1. Hasil pendapatan wang 2. Perniagaan	Perlu dikenalpasti semua alternatif yang ada	Perlu kajian
3. Hasil ternakan	1. Hasil pendapatan wang 2. Perniagaan	Perlu dikenalpasti semua alternatif yang ada	Perlu kajian
4. Hasil galian	1. Hasil pendapatan wang 2. Perniagaan	Perlu dikenalpasti semua alternatif yang ada	Perlu kajian

benar-benar dapat menambah hasil kutipan zakat) dan memperkemas proses agihan zakat agar fungsi zakat dapat dirasakan oleh masyarakat penerima dan pembayar zakat.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mohd Hassan. 1998. Antara zakat dan cukai pendapatan: satu analisis penyelarasan. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Zakat Dan Cukai Pendapatan di Pusat Matrikulasi USM, 5-6 Nov. 1998.
- Abdullah Ibrahim. 1999. Agihan zakat mengikut prinsip siasah shariyyah. Kertas kerja dibentangkan dalam Kolokium Keberkesanan Agihan Zakat Negeri Selangor. Shah Alam, 17 Mei.
- Abdul Rashid Dail. 1979. Zakat gaji dan pendapatan bebas. *Islamiyyat*. 2: 1-20.
- Aidit Ghazali. 1998. *Zakat- Satu Tinjauan*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn Bhd.
- Chapra, Muhammad Umar. 1992. *Islam and the Islamic Challenge*. Leicester: The Islamic Foundation.
- Hailani Muji Tahir. 2004. Kedudukan Illah, Nisab Kadar dan Haul dalam Menjana Sumber Zakat Korporat. Dalam Hailani Muji Tahir et al. Prosiding Seminar Halatuju Zakat Korporat Di Alaf Baru. Kumpulan Kajian Zakat, Universiti Kebangsaan Malaysia. 1-20.
- Hassan Ibrahim. 1989. *Asas Pengiraan Zakat Perniagaan, Penggajian dan Pendapatan Bebas*. Kuala Lumpur: Persatuan Kebajikan Islam LHDN.
- Kamil Md Idris, Chek Derashid dan Engku Ismail. 1997. Zakat Penggajian: Satu Tinjauan Terhadap Pengetahuan dan Amalan Muslimin Negeri Perlis. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Penyelidikan Universiti, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.

- Kamil Md Idris. 2004. Kesan Persepsi Undang-Undang dan Penguatkuasaan Zakat Terhadap Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji. Dalam Hailani Muji Tahir et al. Prosiding Muzakarah Pakar Zakat. Kumpulan Kajian Zakat, Universiti Kebangsaan Malaysia. 201-212.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. 1992. Syarat Haul: Satu Penilaian Terhadap Pandangan Al-Qardawi. Dalam masalah Zakat Gaji dan Pendapatan Professional. *Medium* 2. Universiti Malaya.
- Muhammad Kamal 'Atiyah. 1995. *Perakaunan Zakat: Teori dan Praktis* (terj.) Mohd Nor Ngah. Kuala Lumpur: DBP.
- Muhammad Syukri Salleh. 2002. Lokalisasi Zakat: Satu Kajian Teoritis. Dalam Halini Muji Tahir et al. Prosiding Muzakarah Pakar Zakat. Kumpulan Kajian Zakat, Universiti Kebangsaan Malaysia. 105-118.
- Mujaini Tarimin. 1995. Zakat Penggajian: Satu Penilaian Terbaru di Malaysia. Tesis PhD., Universiti Malaya.
- Qardawi, Yusof. 1998. *Peranan Nilai dan Akhlak dalam Ekonomi Islam* (terj.). Kuala Lumpur. Metacorp Bhd.
- Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. 2004. *Kesan Prestasi Agihan oleh Institusi Formal Ke atas Kepatuhan Membayar Zakat*. Dalam Doris Padmini et al. Prosiding Seminar Kebangsaan Daya Saing Ekonomi dan Sosial Ke Arah Pemantapan Pembangunan Ekonomi. Fakulti Ekonomi & Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. 589-602.
- Zulkarnain Yusof. 1994. *Percukaian Negara Islam: Perbandingan Percukaian Moden Dengan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pusat Pengajian Ekonomi
Fakulti Ekonomi dan Perniagaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
nep@pkrisc.cc.ukm.my
hairun@pkrisc.cc.ukm.my